

Headline	Mahu meninggal di Makkah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	45	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,573
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,719



'Mahu meninggal di Makkah'

Hajat ayah termakbul pada hari ke-30 berada di sana

MERBOK - "Ayah berniat mahu meninggal dunia di Makkah kerana dia sudah berpesan kepada kami (adik-beradik) bahawa pemergiannya menunaikan haji tidak pasti akan kembali atau tidak".

Demikian luahan Hayati Ahmad, 46, anak sulung kepada jemaah haji ke-17 yang meninggal dunia di Tanah Suci, Ahmad Saidin, 75, dari Kampung Pondok, Merbok, Kedah.

Menurut Hayati, walaupun kata-kata terakhir yang diluahkan bapa kepada lapan anak itu dianggap gurauan, tetapi tidak menyangka doa ayahnya dimakbulkan ALLAH SWT pada hari ke-30 berada di sana.

"Kami perasan perubahan sikapnya yang lebih mendiamkan diri sebelum bertolak ke sana," katanya.

Menurut Hayati, kalau diikutkan giliran, arwah bapanya tidak tersenarai untuk menunaikan haji pada tahun ini,

tetapi dia tetap merayu supaya dibenarkan.

"Sekiranya ikut giliran, arwah akan ke Makkah pada usia 100 lebih, tetapi dia beria-ia buat rayuan seperti dapat merasai 'masanya' hampir tiba," katanya.

Anak bongsu, Siti Asiah, 27, berkata, tindakan bapa menjual semua ternakan ayam dan burung puyuh sebelum ke Makkah seolah-olah menunjukkan isyarat bahawa dia tidak akan kembali lagi ke sini buat selama-lamanya.

"Ayah kata sudah tiba masa dia nak bertolak ke Makkah, tak tahu lagi lepas ini diizinkan balik ke sini (Malaysia) lagi atau tidak," katanya.

- Hadir sama menziarahi keluarga, Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengarah Tabung Haji Kedah, Mohd Sawal Abong

bagi menyerahkan khairat kematian kepada keluarga arwah.

"Ahmad dilaporkan meninggal dunia di penginapannya,

Hotel Abraj Janadriyah, Makkah pada Ahad, 27 Oktober jam 7.15 pagi waktu Arab Saudi akibat masalah jantung," katanya.

Menurutnya, jenazah diuruskan petugas Tabung Haji di Makkah dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Syaraiee.

Abdul Azeez turut merakamkan takziah kepada keluarga tiga jemaah haji yang meninggal dunia ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halaman masing-masing akibat kemalangan di Marandan Kuantan, 4 pagi, 30 November.

"Dimaklumkan, tiga jemaah yang baru pulang dengan KT24 menaiki sebuah van bersama tiga lagi ahli keluarga dikatakan melanggar bahagian belakang sebuah treler yang membawa muatan bijih besi" katanya.

Tiga jemaah maut termasuk Zainab Awang Hasan, 59, Kamarudin Ab Rahaman, 43, (anak Zainab) dan Fatimah Said, 63.



Abdul Azeez menziarahi keluarga Allayarham Ahmad di Kampung Pondok petang kelmarin. Gambar kecil: Ahmad.